

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH  
BIN NIK ABDUL AZIZ (BACHOK)**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ (BACHOK)** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana laman web *Sebenarnya.my* diakses oleh rakyat di negara ini bagi mengesahkan sesuatu isu sama ada palsu atau tidak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, portal *Sebenarnya.my* yang telah dilancarkan oleh SKMM pada Mac 2017 sehingga kini masih menjadi salah satu sumber rujukan bagi orang ramai bagi menentukan kesahihah sesuatu berita yang tular. Sehingga kini, portal tersebut menerima lebih 70 juta layaran semenjak dilancarkan dan secara purata menerima sekitar 2.4 juta "hits" setiap bulan. Selain itu, Portal *Sebenarnya.my* juga telah menerima sebanyak 3,361 penyaluran maklumat daripada orang awam (maklumat mengenai berita yang tidak ditentusahkan kesahihannya.)

2. Aduan awam berkenaan kandungan/berita palsu juga telah meningkat sebanyak 55%, dari tahun 2018 iaitu sebanyak 340 aduan, dan 527 aduan pada 2019 sehingga September. Peningkatan aduan yang diterima menunjukkan masyarakat awam lebih peka dan

peningkatan kesedaran dengan sebaran-sebaran maklumat yang tidak pasti atau tidak disahkan kesahihannya. Pemerhatian dari aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal *Sebenarnya.my* oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi yang positif dari segi keberkesanan portal di dalam membantu menangani masalah penularan maklumat serta berita yang tidak sahih atau palsu dalam talian.

3. Pihak Kementerian melalui SKMM baru-baru ini juga telah menghubungkan semula jalinan kerjasama antara berbilang agensi melalui “Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang Tidak Ditetapkan Dalam Talian” yang telah ditubuhkan bagi menyelaras koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Melalui jalinan kerjasama tersebut, agensi yang terlibat telah memainkan peranan dengan mengesan dan memantau penularan berita/maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular (viral), seterusnya mengeluarkan kenyataan menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu dan mengelirukan melibatkan agensi dan Kementerian masing-masing.

4. Kenyataan-kenyataan penafian atau penjelasan yang dibuat akan diterbitkan dalam portal *sebenarnya.my* sebagai repositori kepada berita-berita yang telah ditetapkan dan untuk menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Di samping itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran telah dijalankan pihak SKMM di media dan di lapangan bagi menyokong inisiatif portal *Sebenarnya.my*, memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu, serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.